

CSR

Tanggungjawab
Sosial Korporat

Sumbangan ILJTM kepada pelbagai peringkat
dan lapisan masyarakat

Kursus Jangka Pendek

Melahirkan golongan pekerja dan komuniti
yang berdaya maju

BE INSPIRED,
EXTRAORDINARY,
WORLD CLASS with TVET

**JANJUN
2022**

Ikuti kami di
Facebook:
Jabatan Tenaga Manusia,
Kementerian Sumber Manusia
Malaysia
Laman Sesawang Rasmi:
www.jtm.gov.my

Dari Meja

Pengarah

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya, JTM berjaya menerbitkan buletin ini untuk kali pertama pada tahun 2022.

Sebelum meneruskan bicara, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan dan menerbitkan Buletin JTM ini. Terima kasih juga diucapkan kerana memberikan kesempatan untuk saya melakarkan kata-kata aluan pada buletin keluaran ini.

Tanggungjawab sosial korporat atau CSR yang dilaksanakan melibatkan pelajar dan pengajar institut latihan memberikan bantuan dan sumbangan sebagai tanggungjawab sosial kepada pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Menerusi program-program yang diadakan, usaha untuk memperkenalkan ILJTM sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab serta mempamerkan pelajar-pelajar yang berkemahiran tinggi dan menyumbang kepada negara.

Sehubungan itu, Kursus Jangka Pendek diadakan dan diperkenalkan kepada masyarakat bagi membolehkan masyarakat atau golongan pekerja mendapatkan kemahiran atau meningkatkan kemahiran sedia ada agar mereka menjadi warga masyarakat atau pekerja yang berkemahiran seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara.

Adalah menjadi harapan saya agar Buletin JTM ini akan menjadi saluran penyampaian maklumat kepada semua warga JTM dan kepada seluruh warga Malaysia terutama berkaitan maklumat berkenaan aktiviti dan sumbangan JTM pada tahun 2022 ini.


Kepada seluruh warga JTM, saya menyeru agar semua pihak dapat sama-sama membantu menyampaikan maklumat secara berinformasi, tepat dan padat melalui saluran media sosial masing-masing agar masyarakat sana tahu akan peranan serta sumbangan yang diberikan oleh Institusi-institusi Latihan serta Jabatan Tenaga Manusia di mana maklumat-maklumat ini akan dikumpulkan dan diterbitkan dalam Buletin JTM di keluaran-keluaran seterusnya.

Semoga Buletin JTM ini dapat terus diterbitkan sebagai satu saluran promosi Jabatan dalam menjalankan tanggungjawab membantu pengurusan JTM menterjemahkan visi dan misi Jabatan untuk melahirkan pelajar dan masyarakat yang lebih hebat dan berdaya maju. Mudah-mudahan hasrat murni ini sentiasa dirahmati dan diberkati Allah s.w.t. jua.

Sekian, terima kasih.

“Tenaga Mahir Membina Negara”

Hjh. Junita binti Mohamed Ali
Pengarah Bahagian Pengurusan Latihan



MUKA HADAPAN

Pereka Grafik

Noor Imran Mohamad

Penerbit

Y.Brs. Tuan Shakib bin Ahmad Shakir

Penyelaras

Hjh. Junita Mohammed Ali

Ketua Editor

Noor Imran Mohamad

Editor

Rostam Hamzah
Mohd Nizom Shah Mohamad Nor

Turut Membantu

Mohd Syafiq Suhaimi
Mohd Fazli Ramli

Templat Grafik

Freepik
vector_corp
Archjoe
macrovector

DITERBITKAN OLEH

JABATAN TENAGA MANUSIA


Kementerian Sumber Manusia
Aras 6, Blok D4, Kompleks D
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

ms 4




TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA

ms 15



KURSUS JANGKA PENDEK ILJTM



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

CSR

INSTITUSI LATIHAN

JABATAN TENAGA MANUSIA



Misi Bantuan Banjir Ke Kuala Selangor Dan Temerloh

2 Januari 2022 || Seramai 15 kakitangan ILP Kota Bharu dalam kepakaran bidang masing masing diketuai oleh Encik Adnan Shafie serta dibantu 6 sukarelawan

Program Derma Darah ILP Marang

5 Januari 2022 || ILP Marang bersama Unit Tranfusi Darah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu telah mengadakan Program Derma Darah bertempat di Dewan Besar ILP Marang.

Sebanyak 80 pain darah telah berjaya disumbangkan. Tahniah dan syabas pada yang menderma.

daripada sekitar Pengkalan Chepa dan Syarikat Prima Warisan Venture Sdn Bhd telah memberi sumbangan teknikal dan bahan asas dalam misi memberi bantuan kepada mangsa banjir.

Adalah menjadi harapan agar sumbangan ini dapat meringankan beban mangsa tragedi serta boleh meneruskan kehidupan seperti biasa.

Pihak pengurusan ILP Kota Bharu juga berbesar hati mengucapkan terima kasih kepada pengurusan ILP Kuala Langat kerana memberi sokongan logistic penginapan misi bantuan ini. Tidak lupa juga kepada penderma-penderma yang memberi sumbang berbentuk wang ringgit dan bahan keperluan asas. Semoga Allah jua yang dapat membalaunya.



CSR ADTEC Shah Alam Di Mentakab

7 Januari 2022 || CSR ADTEC Shah Alam di Madrasah Tarbiah Islamiah Mentakab pada 6 - 7 Januari 2022 melibatkan 21 orang kakitangan ADTECSA. Selain sumbangan tenaga dan kepakaran dalam bidang elektrikal, Kelab Sukan dan Kebajikan ADTEC Selangor (KESUKAS) turut menyumbangkan high pressure water pump dan selimut.

Program CSR ILJTM - Amal Bank Islam

8 Januari 2022 || Pasukan CSR ADTEC Jerantut turut serta dalam Program CSR ILJTM - Amal Bank Islam yang membawa misi bantuan khidmat penyelenggaraan di taman perumahan di Bentong, Pahang yang terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini. Hasil daripada tinjauan yang dilakukan dan mesyuarat penyelarasan yang dipengerusikan oleh ILP Kepala Batas, masih banyak bantuan yang diperlukan di kawasan ini.

Program kerjasama Bank Islam ini dilihat adalah amat baik dan membantu penduduk yang terjejas. ILJTM yang terlibat khasnya ADTEC Jerantut, ADTEC Kemaman, ILP Kuala Terengganu dan ILP Kuantan telah menggerakkan pegawai dan pelajar untuk membantu mangsa banjir ini. Sesuai dengan kepakaran teknikal mengikut bidang latihan kemahiran, para pelajar ini telah berjaya membantu khasnya khidmat menyelenggara dan servis

peralatan elektrik serta perabot mangsa yang telah rosak.

Melihat kepada riak wajah mangsa yang menerima bantuan ini, jelas sumbangan perkhidmatan ini memberi kelegaan kepada mereka. Tahniah dan syabas kepada semua sukarelawan CSR seramai 55 orang, pihak pengurusan ILJTM serta Unit Amal Bank Islam di atas inisiatif yang baik dan memberi manfaat kepada penduduk yang terkesan.



CSR Pasca Banjir JTM-HRDCorp Dengan Kerjasama

Program Pasca Banjir ILP Arrumugam Pillai Nibung Tebal Bersama SW Corp

10 Januari 2022 || Program CSR Pasca Banjir yang melibatkan ILJTM telah disertai oleh 5 orang kakitangan ILP APNT beserta 10 orang pelajar Teknologi Elektrik.

Program khidmat masyarakat ini bertujuan untuk membantu mangsa banjir di kawasan Hulu Langat dalam menghulurkan bantuan teknikal dan kemahiran membaiki peralatan-peralatan elektrik yang terkesan akibat banjir.

Semoga program ini dapat meringankan beban mangsa banjir dan memberi manfaat kepada semua pihak.

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling Di Kg. Lanchong Jaya, Shah Alam

8 Januari 2022 || Seramai 28 kakitangan dan pelajar dari ADTEC Shah Alam, ILP Kuala Lumpur, ILP Kuala Langat, ILP Pedas dan Ibu Pejabat JTM telah menyertai program ini.

Bermula pada jam 10 pagi sejumlah 14 buah rumah penduduk telah dilawati bagi tujuan pemberian peralatan yang rosak akibat banjir baru-baru ini. Program berakhir pada jam 3 petang.



Khidmat Tangkak

Komuniti ILP

11 Januari 2022 || Program sumbangan ILP Tangkak kepada Pertubuhan Badan Kebajikan Nur Kasih Segamat. Sumbangan berupa pakaian kanak-kanak terpakai, telekung, tudung dan pakaian bayi telah diaghikhan kepada mangsa banjir yang terjejas di Daerah Segamat. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua penyumbang yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.



CSR ILP KL - Spanco

16 Januari 2022 || Seramai 20 orang pelajar telah membantu juruteknikal SPANCO dari 27 Disember 2021 hingga 14 Januari 2022 di Pusat Servis Wilayah Batu Caves dan Pusat Servis Wilayah Bandar Baru Bangi menyelenggara kenderaan pelanggan yang terjejas akibat banjir.

Kerjasama ini amat berguna kepada pelajar-pelajar kerana disamping berkhidmat untuk masyarakat, ia secara langsung juga berguna untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan.



Usahasama ILP Tangkak Dan Komtech Bantu Mangsa Banjir

16 Januari 2022 || Usahasama team KOMTECH Dan Institut Latihan Perindustrian Tangkak dalam membantu rumah mangsa-mangsa banjir di Kg Alai dan Kg Spang Loi Segamat. Terdapat 30 lebih unit rumah yang dibantu dalam memastikan keselamatan penghuni, penyelenggaraan Dan penggantian komponen2 elektrik yang terjejas. Semoga sumbangan dpd orang ramai dapat meringan beban mereka yang terlibat.



Aktiviti CSR Di Pusat Jagaan Anak Yatim Dan Asnaf Kuala Berang Terengganu

17 Januari 2022 || Aktiviti dijalankan oleh pelajar Teknologi Binaan (Paip & Sanitari) ILP Kuala Terengganu bersama pengajar pengiring seramai 10 orang untuk kerja-kerja amal CSR baikpulih infrastruktur.

Kumpulan ini telah diketuai oleh Tn Hj Mohd Shafizan (Ketua Bahagian Teknologi Binaan (Paip & Sanitari) dan En. Norazman bin Mohd @ Rusdi (Pengajar). Tahniah Dan syabas anak muda dalam memartabatkan Kemahiran sebagai satu tooling yg dpt membantu org lain.

Sumbangan Bantuan Pasca Banjir kepada Kakitangan Yang Terlibat Banjir

17 Januari 2022 || Sumbangan Bantuan Pasca Banjir kepada kakitangan yang terlibat dan terkesan banjir baru-baru ini telah disampaikan oleh Tuan Hj. Azman bin Hj. Ibrahim kepada semua penerima di atas keprihatinan ADTEC Jerantut terhadap kebajikan kakitangan serta sumbangan tabung derma di Masjid As-Syafi'e. Semoga semua mendapat barakah dan rahmat atas bantuan ikhlas yang diberikan.



Program CSR Bersama Ehsan Hotel Port Dickson

5 Mac 2022 || Program CSR ADTEC Melaka bersama Ehsan Hotel Port Dickson di Pantai Tanjung Gemok Port Dickson N.Sembilan. Khidmat komuniti ini telah dijayakan oleh 40 orang pelajar ADTEC Melaka & IKTBN Chembong yang diselia oleh En Ishak Bin Buniyami, pegawai Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan ADTEC Melaka.



ADTEC Kemaman Bantu Beri Sumbangan Tabung Bencana Banjir Kepada Pelajar

20 Januari 2022 || Sumbangan Tabung Bencana Banjir 2021 kepada 5 orang pelajar Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Abdul Halim Bin Abd Rahman, Pengarah ADTEC Kemaman. Hasil kutipan berjumlah RM3,500.00 sumbangan dari kakitangan ADTEC Kemaman.



Program Derma Darah ADTEC Kemaman

14 Mac 2022 || Program Derma Darah bagi sesi 1/2022 telah diadakan di Dewan Besar, ADTEC Kemaman. Program anjuran Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan (BPPL) dan Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu bermula jam 10 pagi hingga 3 petang. Program ini dijalankan dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Diakhir program, pihak HSNZ mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga ADTEC Kemaman atas 101 dermaan beg darah.



Gotong Royong ADTEC Batu Pahat Memberihkan Surau

23 Mac 2022 || Aktiviti gotong-royong membersihkan surau An-Nur ADTEC Batu Pahat telah diadakan pada 23 Mac 2022. Aktiviti gotong royong ini melibatkan ahli Jawatankuasa Surau yang diketuai oleh En. Noorajla bin Abd Jalil dan dibantu oleh pelajar-pelajar.

Program CSR ILP Perai

24 Mac 2022 || Program CSR ILP Perai melibatkan tenaga pengajar dan pelajar kursus Sijil Teknologi Kimpalan di Madrasah Tahfiz Abu Bakar, Kubang Menerong, Pulau Pinang bagi membaiki pintu pagar madrasah.



Program CSR di Surau Al Fateh

24 Mac 2022 || Satu program CSR telah dilaksanakan bertempat di Surau Al Fateh, Taman Belimbing, Jitra, Kedah. Seramai 2 orang pengajar pengiring serta 6 orang pelajar Semester 4 Kursus Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (PPU) telah terlibat menjayakan program ini.

Aktiviti CSR yang telah dilaksanakan adalah menyelenggara 5 unit penyaman udara di surau tersebut bagi memberi keselesaan kepada jemaah menjelang Ramadhan kelak.

Program Gotong-royong Masjid Al-Muttaqin Bandar Darul Aman

26 Mac 2022 || Program Gotong-Royong Masjid Al-Muttaqin telah disertai seramai 47 wakil ILP Jitra terdiri daripada pelajar dan pengajar pengiring. Anatra aktiviti yang telah dijalankan adalah menjalankan kerja-kerja gotong royong mermbersihkan keseluruhan kawasan dalam dan luar masjid sebagai persiapan menyambut ketibaan bulan Ramadhan.





Misi Bantuan Mangsa Kebakaran Di Rumah Flat Seksyen 24 Shah Alam

26 Mac 2022 || Misi ini merupakan kerjasama di antara ADTECSA dan Komuniti Teknikal Islam Malaysia (KOMTECH). Misi ini bertujuan untuk menjalankan pembaikan sistem pendawaian rumah Pn Zainab yang telah terlibat dengan kebakaran pada 2 Mac 2022 yang lalu. Selain dari itu, pasukan misi juga menawarkan bantuan rundingan kepakaran dan pemeriksaan sistem pendawaian rumah kepada 20 buah rumah lain di bangunan flat berkenaan secara percuma sepanjang tempoh misi dijalankan.

Projek Khidmat Masyarakat ILP Pasir Gudang

28 Mac 2022 || Projek membaiki bumbung awning taska akibat pokok tumbang tempohari. Kerjasama antara kakitangan dan pelajar dari Bahagian Fabrikasi Struktur Logam. Kerja-kerja pembaikan disiapkan dalam masa setengah hari demi kemudahan anak-anak dan kakitangan taska di ILP Pasir Gudang.



Program Derma Darah ADTEC Taiping

30 Mac 2022 || Program Derma Darah Siri 1 2022 anjuran ADTEC Taiping bersama-sama Hospital Taiping. Program ini bertujuan untuk membekal dan mengekalkan bekalan darah di Hospital Taiping dan hospital-hospital lain. Bertempat di Bilik Seminar BPSM ADTEC Taiping, program ini turut di sertai oleh pelajar-pelajar dan kakitangan ADTEC taiping.

Sumbangan Bakul Makanan Ke Madrasah Darul Ulum Al-Muhsinin Wannashirin

30 Mac 2022 || Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) ILP Kuala Terengganu bersama BSMM Terengganu telah mengunjungi Madrasah Darul Ulum Al Muhsinin Wannashirin, Padang Nenas yang terjejas akibat insiden kebakaran.

Pengerusi Cabang BSMM ILPKT yang juga merupakan Pengarah ILPKT, YBhg Tn Hj Kamaludin Tomiran telah menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada pihak pengurusan madrasah dan turut menyatakan

kesediaan untuk membantu kerja-kerja baik pulih pendawaian elektrik serta peralatan elektrik yang terjejas.





CSR Di Masjid Jamek Ar-Rahman

30 Mac 2022 || Satu program CSR telah dilaksanakan bertempat di Masjid Jamek Ar-Rahman, Kampung Kepala Batu, Jalan Wang Tepus, Jitra, Kedah. Seramai 2 orang pengajar pengiring serta 11 orang pelajar Kursus Teknologi Elektrik telah terlibat menjayakan program ini.

Aktiviti CSR yang telah dilaksanakan seperti menyelenggara peralatan dan pendawaian elektrik dan membersihkan kipas-kipas dan bahagian dalam masjid.

Projek Pemasangan Tenaga Elektrik Solar Di Kampung Orang Asli Terowoh Mersing Johor

31 Mac 2022 || Projek pemasangan Tenaga Elektrik Solar di perkampungan Terowoh merupakan projek kerjasama CSR beberapa agensi seperti ILP Mersing, UTM, Kolej Komuniti dan Politeknik di bawah anjuran Bank Islam. 19 buah rumah Orang Asli dijadikan projek pelaksanaan berperingkat secara 3 fasa.

Fasa 1: Pendawaian satu fasa bagi 1 point kipas, 2 point lampu dan point USB. Pendawaian melibatkan 4 orang

pelajar sem 4 dan 6 orang pelajar sem 2 teknologi elektrik, serta 5 orang pengajar ILP Mersing dan dari agensi yang terlibat.

Fasa 2: pemasangan inverter dan panel solar. 5 orang pengajar ILP Mersing terlibat secara langsung semasa pemasangan tersebut.

Fasa 3: testing and commissioning dilakukan selepas semua pemasangan siap dipasang. Perkongsian ilmu antara pengajar ILP Mersing kepada pengajar Politeknik dan Pensyarah UTM dijalankan bagi memastikan pemasangan yang dipasang adalah selamat digunakan.

Kos keseluruhan pemasangan adalah di bawah peruntukan SADAKA HOUSE yang ditaja oleh Bank Islam.



Sumbangan Pembelian Baju Raya Dan Kurma Untuk Anak Yatim

7 April 2022 || ILP Arumugam Pillai Nibung Tebal telah menyampaikan sumbangan pembelian baju raya kepada anak-anak yatim bagi Rumah Anak Yatim Tassawur Islam Perak. Sumbangan telah diserahkan oleh Pengurus KSK ILPNT En. Mohd Hafiz Abu Bakar & Timbalan Pengarah (Latihan) ILP APNT, YM Raja Muhammed Raja Daud.

Pada masa yang sama juga, Ketua Biro Sosial & Lawatan Puspanita SPS, Pn. Harisun Hamid telah menyampaikan Sumbangan Kurma bagi pihak Puspanita SPS.





Sumbangan Kotak Ramadhan

8 April 2022 || Kelab Bengkel Jaminan Kualiti telah menjalankan aktiviti penyerahan Sumbangan Kotak Ramadhan hasil sumbangan dana daripada pegawai dan staf Adtec Taiping. Penerima sumbangan terdiri daripada 12 orang iaitu pekerja kebersihan dan pengawal Adtec Taiping yang kurang berkemampuan serta asnaf yang tinggal berdekatan kawasan Kamunting dan Simpang.

Program Ziarah & Kongsi Rezeki

16 April 2022 || Program Ziarah & Kongsi Rezeki anjuran Surau Al-Kausar ILP Miri dimana agihan dibuat di sekitar Bekenu melibatkan beberapa buah Kg seperti Kg. Pejuang Kelulit, Kg Jambu, Kg. Bungai, Kg. Jangalis dll.

Penaung Surau Al-Kausar, ILP Miri En Mustal Bin Makmud yang turut serta dalam aktiviti agihan serta pihak Pamanca Hj. Ali dan Ketua2 Kg yang membantu dalam agihan sumbangan. Terima kasih kepada para penyumbang dan semua pihak yang terlibat secara lansung dan tidak lansung.

Program Bakul Ramadhan ADTEC Taiping



22 April 2022 || Kelab Bengkel Jaminan Kualiti ADTEC Taiping telah bekerjasama dengan Taiping Cares untuk membantu menyediakan 25 buah bakul yang terdiri daripada barang keperluan dapur yang akan diagharkan kepada 25 buah keluarga asnaf/miskin yang tinggal disekitar Daerah Larut Matang dan Selama.

Semoga bantuan ini akan dapat meringankan beban keluarga asnaf. Terima Kasih AJK Kelab Jaminan Kualiti dan Taiping Cares.

Semoga sumbangan yang telah diberikan sedikit sebanyak dapat meringankan beban serta mendapat pahala berlipat kali ganda dari Allah SWT.



Program “Shopping” Raya ADTEC Taiping



23 April 2022 || Kelab Bengkel Jaminan Kualiti ADTEC Taiping dengan kerjasama Taiping Cares menyantuni 50 orang anak-anak asnaf untuk mendapatkan sepersalinan pakaian baru bagi Hari Raya Aidilfitri. Program ini bertempat di Lotus Taiping.

Program Derma Darah Bulan Ramadhan

26 April 2022 || Memenuhi tanggungjawab CSR selepas berbuka puasa, pelajar-pelajar semester 2,3 dan 4 ILP Jitra telah menyertai Program Derma Darah Sempena Bulan Ramadan bermula dari jam 8 malam hingga 11 malam, anjuran Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

Pihak hospital memaklumkan setiap kali di musim perayaan, penggunaan tabung darah di hospital adalah agak tinggi. Semoga dengan sumbangan ini memberi banyak manfaat kepada yang memerlukan .



Sekampit Beras

26 April 2022 || Program "Sekampit Beras" anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama (JHEA) ILP Jitra. Program ini telah berjaya mengagihkan sebanyak 314 kampit beras hasil dari sumbangan warga ILP Jitra kepada mereka yang memerlukan.

Program ini diketuai oleh al-fadhil Ustaz Khairol Anuar bin Ahmad selaku pengurus Surau Al-Iman dan telah disampaikan oleh Tuan Pengarah, Mohd Faisal bin Abdul Hamid.

Program ini dijalankan hasil dari sumbangan wang daripada setiap jabatan, bahagian dan unit di ILP Jitra. Hasil sumbangan yang diterima telah dibelanjakan dengan membeli beras bagi diedarkan kepada mereka yang memerlukan. Program ini juga dijalankan sejak lebih dari 10 tahun dan merupakan satu program tahunan Institut setiap kali menyambut Ramadan.

Program Infaq Bakul Ramadhan 2022

26 April 2022 || ILP Mersing menyantuni asnaf-asnaf sekitar Mersing melalui Program Infaq Bakul Ramadhan 2022 yang dikendalikan oleh AJK Surau Al-Itqan dan wakil komuniti setempat bagi membantu fakir dan miskin di sekitar Mersing terutama Kampung Wak Salam dan Kg Gajah Mati.

Sebanyak 60 Infaq Bakul Ramadhan telah berjaya dikumpulkan hasil sumbangan dan kutipan kakitangan ILP Mersing. Semoga penerima sumbangan infaq dapat menjalankan ibadah puasa dan menyambut Aidilfitri dengan lebih sempurna.

Dengan adanya program seumpama ini diharap sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka yang memerlukan dan pada masa yang sama memberi ruang dan peluang kepada warga ILP Jitra untuk bersedekah.

Terima kasih kepada semua penyumbang. Diharap program sekampit beras ini dapat diadakan secara berterusan di tahun-tahun yang mendatang. Terima kasih dah syabas diucapkan.



Program Jalinan Kasih Ramadan ke Pusat Jagaan Warga Emas



ADTEC Batu Pahat Agih Barang Keperluan Kepada Golongan Asnaf

27 April 2022 || Serahan sumbangan barang keperluan kepada asnaf di dalam dan sekitar ADTEC Batu Pahat oleh Ahli Jawatankuasa Surau An-Nur ADTEC Batu Pahat selaku penggerak utama kepada aktiviti murni ini.

Agihan barang disampaikan sendiri oleh Tuan Pengarah dan Timbalan Pengarah ADTEC Batu Pahat. Daripada 50 pek yang berjaya dikumpulkan, 30 pek diserahkan kepada warga ADTEC Batu Pahat yang kurang berkemampuan di kalangan kakitangan, pekerja kontrak kebersihan, pekerja landskap dan pengawal keselamatan. Manakala baki 20 pek lagi diserahkan kepada golongan asnaf yang tinggal berdekatan sekitar ADTEC Batu Pahat.

27 April 2022 || Unit Kaunseling dengan kerjasama Surau Al-Jazari ILP Tangkak telah menganjurkan Program Khidmat Komuniti - Jalinan Kasih Ramadan ke Pusat Jagaan Warga Emas Al-Jannah, Tanjung Gading, Tangkak.

Alhamdulillah dan ribuan terima kasih atas keprihatinan semua warga kerja ILP Tangkak bagi menjayakan program ini dalam memupuk kesedaran dan meningkatkan motivasi menjadi warga kerja yang prihatin dan penyanyang.

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Pengarah En Mohamad Noor bin Ismail kerana sudi hadir menyampaikan sumbangan. "Ramadhan adalah waktu terbaik untuk membuat kebaikan dan menghentikan kebiasaan buruk."



Program We Care ~ Ladies Prihatin ILPPG

27 April 2022 || Biro Hal Ehwal Wanita MPP ILPPG dengan kerjasama Kumpulan Srikandi ILPPG (ILPPG Ladies) telah mengambil inisiatif mengumpulkan dana untuk disumbangkan kepada golongan-golongan asnaf di kalangan warga ILP Pasir Gudang.

Majlis Penyampaian Sumbangan telah diadakan dengan mengagihkan sebanyak 70 bungkus set barang dapur dan saguhati duit raya kepada para pelajar ILPPG yang berstatus anak yatim, pekerja-pekerja lanskap/pembersihan dan juga pengawal keselamatan.

Semoga sumbangan yang telah diberikan sedikit sebanyak dapat meringankan beban serta mendapat pahala berlipat kali ganda dari Allah SWT.



Menservis Aircond Surau Tahfiz Al-Mujahir Madani

Program CSR Kelab Rekreasi ILP Labuan

5 Jun 2022 || Program CSR kelab Rekreasi ILP Labuan membersihkan kawasan balairaya Kg Batu Manikar dengan kerjasama JPKKBM, Ahli PPKLU Unit Batu Manikar dan Penduduk Kampung sempena dengan Program Kem Jatidiri Kelab Rekreasi ILP Wp Labuan (4-5 Jun 2022) berlangsung dengan jayanya.

JPKKBM mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kelab Rekreasi ILP Labuan kerana memilih Kg Batu Manikar untuk CSR ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Pengurus MPP Sub Zon 4 Al-Fadhil SS Ustaz



Program Khidmat Komuniti Pemasangan Pendawaian Elektrik ILP Tangkak

28 Jun 2022 || Seramai 6 orang pelajar serta dibantu oleh beberapa orang pengajar ILP Tangkak, terlibat dalam menyiapkan pemasangan pendawaian elektrik. Ketua Jabatan Komputer dan Elektrik serta wakil dari unit CESS ILP Tangkak juga turut hadir bersama membantu serta menyantuni warga emas di Pusat Jagaan Warga Emas Al-Jannah, Tanjung Gading, Tangkak.

27 April 2022 || ILP Mersing melalui Bengkel Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara telah melaksanakan CSR iaitu kerja-kerja menservis aircond di surau Tahfiz Al Quran Muahajir Madani di Kg Tanjung Genting, Mersing.

Program ini disertai oleh 8 orang pelajar dan 2 orang pengajar. Ini merupakan kali kedua ILP Mersing melaksanakan CSR disini. Pihak tahfiz sangat berpuas hati dengan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh team PPU ILP Mersing. Semoga dengan aktiviti ini dapat melahirkan generasi berkemahiran dan memupuk budaya bantu membantu.

Junid Mohd Aling kerana menyumbang peruntukan kewangan untuk gotong-royong ini.



Program Derma Darah ILP Sandakan

9 Jun 2022 || ILP Sandakan dengan kerjasama Hospital Duchess of Kent telah mengadakan Program Derma Darah di institut sebagai tanda sokongan dan keprihatinan terhadap tanggungjawab sosial dan kemasyarakatan khususnya di daerah Sandakan.

Para kakitangan dan pelajar ILP Sandakan telah mengambil peluang untuk menderma darah bagi mengurangkan masalah kekurangan bekalan darah serta memberi bantuan kepada para pesakit yang memerlukan.



KURSUS JANGKA PENDEK ILJTM

Program Tahfiz TVET ILP Kepala Batas



8 Januari 2022 || Seramai 25 orang pelajar-pelajar Madrasah Tahfiz Al-Aminiah Cawangan Bertam mengikuti Program Tahfiz TVET dalam bidang Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 kod EE-320-2:2012 (Pendawaian Elektrik satu Fasa).

Sesi taklimat ini turut dihadiri Tuan Pengarah, En. Zamzuri Hassan merakamkan ucapan tahniah kepada waris dan pelajar terpilih untuk mengikuti latihan dengan penuh minat dan mengambil manfaat sebaiknya kerana ditaja sepenuhnya oleh Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang.

Kursus ini bermula pada Januari 2022 hingga Disember 2023 dan akan dilaksanakan setiap hujung minggu Sabtu dan Ahad. Intipati pembelajaran kelas merangkumi pembelajaran sistem pendawaian, pemasangan, kerja selenggara dan pembaikan perkakasan elektrik dan elektronik seperti televisyen dan seterika wap. Juga kelas e-usahawan telah diadakan sebagai permulaan para peserta dalam dunia perniagaan. Pembelajaran secara amali dari pengajar kompeten bidang Pendawai Elektrik berpengalaman amat membantu para peserta memahami topik yang diajar.

Kursus Engine Management Systems (EMS) – Diagnosis




9 – 10 January 2022 || Kursus yang dikendalikan di ADTEC Melaka oleh En. Ting Swee Keong yang disertai oleh 8 orang usahawan di bawah Persatuan Usahawan Automotif Melaka (PUAM).

Kursus Intensif Pneumatik



15 January 2022 || Kursus Jangka Pendek (KJP) yang diadakan oleh KB dan Pengajar Bengkel Rekabentuk Produk Industri (IPD) ini membuka peluang kepada para peserta untuk memantapkan kemahiran teknologi pneumatik. Ia melibatkan proses sambungan input, pemprosesan dan output serta pengaturcaraan Ladder Diagram dalam Programmable Logic Controller (PLC). Kursus selama 2 hari ini mendapat sambutan yang baik di kalangan peserta.

Kursus Splicing & Testing Optical Fibre Optik (OFC)



9 - 10 Januari 2022 || ILP Selendar dengan kerjasama TM Network Region Southern telah melaksanakan kursus jangka pendek Splicing & Testing Optical Fiber Optic (OFC) bertempat di Jabatan Teknologi Maklumat dengan sentuhan pengajar-pengajar berpengalaman iaitu Ts. Mohd Hairudin Bin Hassan dan Raja Azman Bin Raja Omar.

Kursus ini telah berlangsung sebanyak 5 siri bermula pada 18/12/2021 dan tamat pada 23/1/2022 dengan penglibatan peserta daripada kontraktor-kontraktor TM. Semasa kursus peserta-peserta diajar teknik membuat splicing dan membuat pengujian penyambungan kabel fiber optik menggunakan mesin OTDR.

Peserta Kursus Jangka Pendek CSWIP 3G FCAW ILP Mersing Lulus Welding Qualification Test (WQT)



9 Februari 2022 || Majlis Penutup dan Penyampaian Tamat Latihan bagi Kursus CSWIP 3G FCAW di bawah tajaan JPDC. Para peserta telah lulus menduduki Welding Qualification Test (WQT) yang dikendalikan oleh TWI Technologies Sdn Bhd dan mendapat sijil CSWIP 3G FCAW. Para peserta juga menduduki Mock Up Test sebelum WQT di Malaysian Marine and Heavy Engineering (MMHE), Pasir Gudang bagi bekerja sebagai Welder di bawah syarikat Red Team (M) Sdn Bhd.

Kursus Electrical Assembly



11 & 12 Februari 2022 || Telah berlangsung kursus Electrical Assembly untuk pekerja dari kilang ST Microelectronics Sdn Bhd. Muar. Kursus yang telah diadakan selama 5 hari itu, dihadiri oleh 16 orang peserta dan diajar oleh pengajar yang berpengalaman, iaitu En Azarudin Asrap dan dibantu oleh En Al-Al-hazari Jamal. Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan serta pengalaman kepada peserta melaksanakan pendawaian domestik 1 fasa dan pengujian keatas komponen elektrik.

Kursus Jangka Pendek Modul Pelajar PUSPATRI



18 - 19 Februari 2022 || Kursus Jangka Pendek Modul Pelajar PUSPATRI telah diadakan bagi memberi pendedahan terhadap pengetahuan dan kemahiran ‘Shaft Alignment’.

Program anjuran Bahagian Teknologi Penyenggaraan Mekanikal ini melibatkan 6 orang peserta yang diajar kemahiran membuat penajaran pada shaft pada motor, mesin dan lain-lain bahagian.

Kursus Vehicle Engine Overhaul

18 - 20 Februari 2022 || Kursus Jangka Pendek Modul Vehicle Engine Overhaul anjuran Bahagian Teknologi Automotif bertempat di Bengkel Teknologi Automotif ILP Pasir Gudang telah diadakan pada 18 hingga 20 Februari 2022. Pengajar, En Wan Mustaffa bin Wan Hj Zain dan urusetianya Ts. Pn Kavitha Palaniappan telah berjaya melaksanakan program tersebut dengan jayanya bersama 6 orang peserta.



Kursus Bingkai Kayu Hiasan Dalaman



20 - 24 Februari 2022 || Bahagian Teknologi Binaan (Berasaskan Kayu) telah menganjurkan Kursus Bingkai Kayu Hiasan Dalaman bertempat di Bengkel Teknologi Binaan (Berasaskan Kayu), ILP Kuala Terengganu.

Kursus ini yang merupakan salah satu program yang diluluskan di bawah peruntukan Program Latihan Kemahiran Tahun 2022 telah dihadiri oleh 10 orang pengajar dari ILP Kuala Terengganu, ILP Kota Bharu dan ADTEC Kemaman. Penutup kursus ini telah disempurnakan oleh Tn Hj Kamaludin Tomiran, Pengarah ILP Kuala Terengganu.



Kursus Asas Pengenalan Kepada Sistem Kenderaan & Kursus Asas Penyelenggaraan Kenderaan

25 Februari 2022 || ILP Marang telah menjalankan kursus asas pengenalan kepada sistem kenderaan dan kursus asas penyelenggaraan kenderaan (kereta) yang disertai oleh ahli Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK) Bukit Parit dan Jawatankuasa Masjid Kampung Bukit Parit seramai 36 orang.

Kursus ini dikendalikan oleh pengajar Teknologi Automotif iaitu En Yatimi bin Arshad, En Ahmad Suhaimi bin Omar dan En Che Mohd Saiful Azhar bin Che Sukri.

Kursus Customised Vibration And Shaft Alignment



25 - 26 Februari 2022 || Kursus yang dianjurkan oleh Bengkel Teknologi Penyenggaraan Mekanikal ILP Pasir Gudang ini disertai oleh 15 orang peserta dari industri. Tenaga Pengajar bagi kursus ini adalah En. Mohairi bin Ahmad. Manfaat yang diperolehi dari kursus ini dapat memberi pengetahuan dan kemahiran tentang Vibration dan Shaft Alignment dan membantu peserta kursus mendalami ilmu tentang punca vibration serta cara-cara membuat penajaran pada shaft yang terdapat pada motor, mesin dan lain-lain lagi.



Kursus Introduction To Car Service (AT2202)

27 Februari 2022 || Kursus Introduction to Car Service (AT2202) telah diadakan pada 27 Februari 2022 yang dianjurkan oleh Bengkel Teknologi Automotif ILP Pasir Gudang. Kursus ini disertai oleh 10 orang peserta.

Tenaga Pengajar bagi kursus ini adalah En. Wan Mustaffa Bin Wan Hj Zain dan urusetia adalah Ts. Pn Kavitha Palaniappan.



Kursus Programmable Logic Control (PLC)

28 Februari 2022 || Kursus Programmable Logic Control (PLC) telah diadakan pada 27 dan 28 Februari 2022 bagi memberi pengetahuan dan kemahiran tentang PLC kepada peserta kursus di kalangan pekerja industri.

Kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Teknologi Instrumen Perindustrian ILP Pasir Gudang ini disertai oleh 11 orang peserta dari Industri. Tenaga Pengajar bagi kursus ini adalah En. Mohd Hisham bin Abd Jalil.


Kursus ini dapat membantu peserta kursus mendalami ilmu tentang penyambungan input/output dan pengaturcaraan PLC.

Kursus Asas Alat Pengukuran Mekanikal



3 Mac 2022 || Kursus Asas Alat Pengukuran Mekanikal telah dilaksanakan pada 3 Mac 2022. Kursus ini dianjurkan oleh Bengkel Teknologi Penyenggaraan Mekanikal ILP Pasir Gudang dan tenaga pengajarnya adalah En. Mohd Sani bin Ramli. Faedah daripada kursus ini, ia dapat memberi pengetahuan dan kemahiran terhadap penggunaan alat-alat pengukuran mekanikal seperti vanier caliper, pita pengukur, micrometer, radius gauge, vanier high gauge dan lain-lain lagi.

Kursus Stainless Steels & Processing Control With Product Data Analysis



9 - 10 Mac 2022 || Kursus berkenaan telah diadakan di ILP Ipoh di bawah program “Training of Trainers (Tot) INDUSTRY4WRD” serta melibat semua tenaga pengajar daripada Bahagian Tek. Foundri, ILP Ipoh dan juga ILJTM yang lain. Kursus bertujuan untuk memahami prinsip di sebalik penggunaan bahan dan prosesnya untuk membantu membangunkan sistem analisis data produk.

Kursus ini untuk memberikan pemahaman yang baik tentang keluli tahan karat. Ia juga akan mendedahkan kekuatan, had dan metalurgi keluli tahan karat dan cara memilih & memproses keluli tahan karat untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Para peserta memperoleh tahap keyakinan yang tinggi apabila mereka membuat cadangan dan keputusan, mengumpulkan maklumat yang diperlukan daripada atau untuk pelanggan atau pembekal, dan menilai situasi masalah yang mereka hadapi dalam kerja.

Kursus Optical Comparator With Quadra-Check 200

9 - 11 Mac 2022 || Kursus berkenaan dilaksanakan secara in-house di ADTEC Taiping bermula pada 9 - 11 Mac 2022. Kursus ini diadakan bertujuan menambahkan lagi pengetahuan para pengajar dalam bidang pengukuran berketinggian tinggi. Pengajar yang terlibat berpeluang untuk memenuhi keperluan NOSS dan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3.



Kursus Fabrikasi Litar Bersepadu

12 - 13 Mac 2022 || Kursus Fabrikasi Litar Bersepadu (Integrated Circuit) bersama pelajar UTP telah diadakan pada 12-13 Mac 2022 di Makmal Bersih Fabrikasi Bahagian Teknologi Mikroelektronik, ADTEC Taiping. Seramai 19 orang pelajar telah menghadiri kursus ini. Pengajar yang terlibat adalah En. Mohd Azdi bin Asis, En. Nazmi bin Jamaludin dan En. Rick Jason David.



Kursus Basic Scaffolding Erection

14 Mac 2022 || Seramai 10 orang peserta telah menghadiri Kursus Basic Scaffolding Erection yang diadakan di ADTEC Batu Pahat hari ini. Kursus sehari ini memberi pendedahan kepada para peserta untuk mengenali komponen dan peralatan yang digunakan dan juga asas pemasangan tubular type scaffold.

Kursus dikendalikan oleh pengajar-pengajar pakar daripada Bahagian Teknologi Minyak dan Gas (Mekanikal) iaitu En. Mohd Eley Bin Rosli, En. Shaharuddin Bin Abd Rahman dan En. Mohd Suhaimi Bin Mat Din.



Kursus Latihan Penggunaan Data Ukur Dan Ukur Kawalan

14 - 16 Mac 2022 || Kursus Latihan Penggunaan Data Ukur Dan Ukur Kawalan (Total Station) telah diadakan kepada semua Pensyarah Bengkel Teknologi Minyak dan Gas (Lukisan Perpaipan) dan 2 orang wakil Pensyarah dari ILP Kuala Terengganu. Kursus ini diselia oleh Syarikat DS Efficient Enterprise. Kursus ini adalah untuk memberi pendedahan tatacara penggunaan alat Total Station, membuat ujian kalibrasi alat total station dan kutipan data di lapangan serta memberi pendedahan cara pemprosesan data kerja luar dan teknik penjagaan serta keselamatan alat.



Kursus Building Automation System Introduction

14 - 16 Mac 2022 || Kursus Building Automation System Introduction Course (KNX System) telah berlangsung dengan jayanya di ILP Bukit Katil.

Kursus yang memberi pendedahan kepada peralatan yang akan digunakan di dalam NOSS untuk Tahap 3 Elektrik bagi kod F432-005-3:2019 ini telah dihadiri oleh seramai 11 orang peserta yang terdiri daripada 3 orang dari ILP Pasir Gudang, seorang dari ILP Mersing dan selebihnya daripada ILPBK.



Kursus Basic Brazing Welding Process For HRSB

19 - 20 Mac 2022 || Kursus separuh masa program upskilling & reskilling - Kursus Basic Braze Welding Process For HRSB Holdings Sdn Bhd telah diadakan di ILP Bukit Katil bermula pada 19 Mac hingga 20 Mac 2022. Seramai 13 orang peserta telah menyertai kursus ini. Pengajar yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar adalah Encik Zulkarnain Bin Mohamed Ali. Kursus diadakan di Bengkel Teknologi Kimpalan ILP Bukit Katil Melaka.

Isi kandungan kursus diantaranya adalah Keselamatan Dalam Bengkel, Peralatan Braze Copper, Teknik Mengimbal Logam Nipis, Pelarasan Api Braze Mengikut Ketebalan Logam, Braze Weld On Copper Plate & Tube, dan Braze Weld Inspection Method.

Kursus Modul Talian Atas Voltan Rendah

18 Feb - 19 Mac 2022 || Tujuan Kursus Modular yang dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan pengetahuan teori dan amali Sistem Talian Atas Voltan Rendah. Kursus ini dijalankan mengikut syarat yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga. Hasil dari kursus ini, peserta kursus diberikan Sijil Modul Talian Atas Voltan Rendah yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga.



Kursus ACCT RA/SA Cleaning

19 Mac 2022 || Seramai tujuh orang peserta telah menyertai Kursus ACCT RA/SA Cleaning yang diadakan di Daikin Academy ADTEC Batu Pahat pada 19 Mac 2022. Empat orang pengajar terlibat melatih para peserta, iaitu En. Mohd Safit dan En S. Rosli daripada ADTEC Batu Pahat, manakala di pihak DAIKIN pula ialah En. M. Azraie dan En. Saiful. Kursus kali ini merupakan yang kelima bagi tahun ini. Kursus sebelumnya telahpun dijalankan pada bulan Januari dan Februari yang lalu. Tahniah kepada semua peserta dan pengajar yang terlibat.



Kursus Pneumatik Bagi Pelajar Kolej Vokasional

22 - 23 Mac 2022 || Telah berlangsung Kursus Pneumatik di ILP Marang yang disertai oleh pelajar Diploma Teknologi Elektronik dari Kolej Vokasional Wakaf Tembesu seramai 16 orang bersama 2 orang Pengajar Pengiring. Kursus tersebut yang telah dijalankan selama 2 hari telah dikendalikan oleh En. Fakhrunizan bin Mohd Razi selaku Pensyarah dalam Bidang Teknologi Mekatronik di ILP Marang.



Kursus xArm Cobot for Education

22 Mac 2022 || Kursus ini telah disampaikan oleh wakil IME Technology dengan penglibatan oleh pelajar dan pengajar dari bahagian Teknologi Mekatronik. Semua peserta menyertai sesi live demo berkenaan Collaborative Robot (Cobot) oleh syarikat IME Technology. Peserta turut didedahkan dengan perbezaan antara industrial robot dan collaborative robot menggunakan aplikasi Cobot di dalam industri pembuatan dan pembelajaran.



Kursus Reka Grafik Iklan Guna Canva

24 Mac 2022 || Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal telah menerima 16 orang peserta dari kalangan Pegawai Pemakanan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk Kursus Reka Grafik Iklan Guna Canva. Kursus yang telah dibimbing oleh 3 orang pengajar dari Bahagian Teknologi Rekabentuk Grafik ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan cara penggunaan aplikasi Canva untuk menghasilkan poster iklan. Dengan ilmu kemahiran yang telah diperolehi kursus ini dapat membantu peserta menyediakan iklan atau poster yang lebih menarik dalam melaksanakan tugas di jabatan masing-masing.



Kursus Customised Chargeman L2 O/H

23 - 27 Mac 2022 || Bengkel Teknologi Elektrik, ADTEC Bintulu telah menganjurkan customized course bagi Chargeman L2 O/H berlangsung selama 5 hari bermula dari tarikh 23 Mac sehingga 27 Mac 2022 yang melibatkan seramai 7 orang peserta dari HiiBrothers Electrical Co. Kursus tersebut telah dikendalikan oleh pengajar pakar Bahagian Teknologi ELEKTRIK, Tc. Norhan @ Ridzuan bin Zulkifli.

Kursus DIY Solar Panel Installation

24 - 25 Mac 2022 || Kursus DIY Solar Panel Installation telah diadakan bagi kakitangan Pusat Perkhidmatan Kejuruteraan Aerospace (PUSPEKA) TUDM. Kursus merupakan modul terakhir dan sambungan dari 6 modul kursus yang dijalankan sepanjang 2021 dan tertangguh disebabkan oleh arahan PKP. Seramai 5 peserta menghadiri dan tamat kursus dengan jayanya. Tahniah diucapkan.



Kursus Pendawaian Kediaman 1 Fasa

26 - 27 Mac 2022 || Sepanjang 2 hari pada hujung minggu, Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal telah menganjurkan satu kursus jangka pendek bertajuk Pendawaian Kediaman 1 Fasa untuk peserta dari kalangan orang awam.

Para peserta telah diajari pengetahuan secara teori pada separuh hari pertama dan terus diberi tugas untuk melaksanakan projek amali.

Dengan ilmu kemahiran yang telah dipelajari oleh peserta yang hadir ianya dapat membantu dan memberi manfaat dalam kehidupan dan pekerjaan yang diceburi.



Kursus 5 Axis Programming

27 - 31 Mac 2022 || Kursus Program Pembangunan Kemahiran 5 Axis Programming telah diadakan di Bengkel Teknologi Pemesinan, ADTEC Batu Pahat. Seramai 9 orang peserta terdiri daripada pengajar-pengajar ILJTM telah menghadiri kursus selama lima hari.

Menerusi kursus ini, para peserta didekahkan kepada penghasilan program NC Code bagi pembuatan produk End Cap menggunakan perisian NX CAM. Skop kursus ini merangkumi proses planning, fixture design, tool selection, program creation dan machining simulation.



Kursus NIOSH - Tenaga Safety Passport

28 Mac 2022 || ILP Mersing telah menjalankan satu kursus di bawah Program Latihan Kemahiran (PLK) iaitu NIOSH - Tenaga Safety Passport pada 28 Mac 2022 (Isnin). Tenaga pengajar yang terlibat adalah En. Mohamad Syahir Bin Mohd Othman dari NIOSH Johor (Pengerang). Seramai 18 orang peserta yang mengikuti kursus ini dimana kesemua peserta adalah terdiri daripada kakitangan ILP Mersing.

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan peserta layak mendapat kad NTSP untuk berkerja di tapak kerja pepasangan stesen-stesen janaelektrik dan premis-premis milik/disewa oleh TNB atau SESB.

Kursus Reka Slide Kreatif Guna Powerpoint

31 Mac 2022 || Pada hari ini, telah bersambung Kursus Jangka Pendek yang melibatkan peserta dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang. Tajuk yang dipelajari oleh peserta ialah Reka Slaid Kreatif Guna PowerPoint.

Dalam kursus ini, para peserta telah mempelajari teknik-teknik untuk menghasilkan reka bentuk slaid yang menarik dan tidak membosankan dengan hanya menggunakan fungsi tools sedia ada di dalam perisian powerpoint.


Pelbagai teknik menarik dalam memanipulasi imej juga turut dipelajari oleh peserta. Pastinya penghasilan dan persembahan peserta akan menjadi lebih menarik selepas ini.



Kursus Model 3D Google Sketchup

6 April 2022 || Perkongsian ilmu Tips and Tricks kursus Model 3D Google Sketchup anjuran Sektor Pembangunan Sumber Manusia Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia Kementerian Sumber Manusia dengan dibantu oleh Penceramah jemputan adalah En Mohamad Faizal Bin Mamat dari ILP Kota Bharu.

Ia nya berlangsung selama 3 jam secara online. Seramai 379 peserta berbagai jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia menyertai kursus secara online ini.



Kursus Electronic Systems Assembly

8 April 2022 || Telah berlangsung Kursus Electronic Systems Assembly yang telah diadakan di Makmal Elektronik Bengkel Mekatronik, ILP Tangkak. Kursus yang disertai oleh seramai 17 orang pekerja dari Kilang ST Microelectronics Sdn. Bhd dari pelbagai department telah diberi tunjuk ajar oleh pengajar yang berpengalaman, iaitu En Al-Hazari Bin Jamal dan dibantu oleh Pn Syakila Binti Zainal.

Kursus jangka pendek berkenaan membolehkan para peserta didedahkan tentang kaedah melaksanakan penyambungan dan pematrian komponen elektronik serta menguji dan merekabentuk litar skematik dan PCB menggunakan perisian proteus.



Kursus Programmable Logic Controller

9 April 2022 || Pada bulan ramadan yang lepas, telah berlangsung Kursus Programmable Logic Controller (PLC) Kursus yang disertai oleh pekerja dari Kilang ST Microelectronics Sdn. Bhd ini bertujuan bagi mendedahkan alat kawalan automasi menggunakan PLC OMRON.

Kursus jangka pendek berkenaan, membolehkan para peserta didedahkan tentang penyambungan masukan dan keluaran PLC, pemasangan Litar Tetangga (Ladder Diagram) dengan menggunakan perisian dan aplikasi sistem kawalan lampu isyarat melalui PLC. Ilmu yang diperolehi dari kursus ini dapat digunakan dan seterusnya dapat mengembangkan kemahiran yang sedia ada di tempat kerja.

Kursus Pendawaian Elektrik 1 Fasa (PW2)

22 Mei 2022 || Unit Pemerkasaan Asnaf, Bahagian Agihan Zakat MAIPk pada hari ini mengadakan sesi taklimat & proses pemantauan kepada 15 orang pelatih kemahiran bagi program peningkatan kemahiran (upskills), kursus Pendawaian Elektrik Satu Fasa (PW2) di Institut Latihan Perindustrian Ipoh.

Pemantauan dilaksanakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, AF Ust. Bakri bin Lee dan Pengurus Unit Pemerkasaan Asnaf, En. Noraizad bin Rosli bagi memberikan semangat & mengikuti perkembangan para pelatih tajaan MAIPk seterusnya menjelaskan berkaitan hasrat & hala tuju pelatih selepas tamat program nanti. Program yang bermula pada Disember 2021 lalu dijangka akan tamat pada Julai 2022 memfokuskan kepada pelatih yang telah bekerja dalam bidang ini namun tidak mempunyai pensijilan rasmi yang diiktiraf.



Kursus Diesel Engine Performance Diagnostic

23 - 25 Mei 2022 || 15 tenaga pengajar dari ILP KK dan ILP Marang mengikuti kursus peningkatan latihan kemahiran 'Diesel Engine Performance Diagnostic Common Rail System. Para peserta bidang automotif didedahkan dengan latihan dalam mengendalikan ujian diagnostik, penyelenggaraan, ujian keupayaan dan menyiapkan laporan teknikal bagi sistem common rail- enjin diesel menggunakan alatan diagnostik dan teknologi terkini. Latihan diberikan oleh tenaga pakar yang terlatih.



Kursus Advanced IIoT with PLC

23 - 27 Mei 2022 || Kursus Advanced IIoT with PLC - Certification From Siemens di bawah program Industry4wrd telah berlangsung di BTKM JMTI. Seramai 10 orang peserta dari ILJTM seluruh Malaysia iaitu 5 JMTI, 2 ILP Kepala Batas, 1 ILP Jitra, 1 ILP Kuantan dan 1 ADTEC Bintulu menyertai kursus ini. Pada penghujung kursus iaitu 27 Mei 2022 akan diadakan satu peperiksaan bagi menentukan sama ada peserta layak dipersijilkan dengan Sijil Profesional daripada Siemens.



Kursus Audio Production Using Adobe Audition Creative Cloud

24 - 26 Mei 2022 || Bengkel Tek.Perisian Multimedia ILP Kuala Langat telah mengadakan Kursus Audio Production Using Adobe Audition Creative Cloud di bawah Program Training of Trainers Industry4wrd.

Kursus ini dihadiri seramai 15 orang peserta dari pelbagai institut seluruh negeri. Pengajar yang terlibat dalam Kursus Audio Production Using Adobe Audition Creative Cloud ini adalah En. Badrul Hisyam bin Ahmad Jalaludin & En. Adinorhisham bin Aziz (Infra Minda). Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta berkenaan rakaman suara, edit bunyi dan suara menggunakan peralatan yang sesuai.

Kursus Print & Digital Media Publication Using Adobe InDesign Creative Cloud

23 - 27 Mei 2022 || Tahniah diucapkan kepada 15 orang peserta yang melibatkan pengajar ILJTM seluruh Malaysia dan jutaan terima kasih juga pensyarah jemputan Encik Imran Abdul Jabar kerana telah menjayakan Program Training Of Trainer Industry4wrd JTM Tahun 2022 - Kursus Print & Digital Media Publication Using Adobe InDesign Creative Cloud yang telah berlangsung pada 23 Mei sehingga 27 Mei 2022 yang dijalankan secara dalam talian.



Kursus Basic Automation System (BAS)

24 - 27 Mei 2022 || Bermula pada 24 Mei 2022 kursus Basic Automation System (BAS) - ETS Software and KNX Devices Training telah disertai oleh tenaga pengajar dari Bengkel Elektrik seramai 10 orang.

Objektif kursus ini bagi meningkatkan kepakaran dan profesionalisme (Intermediate Tranning) bagi tenaga pengajar bidang Teknologi Elektrik dalam bidang Building Automation System bagi rekabentuk, program, pasang dan uji litar peranti-peranti KNX dalam pepasangan elektrik.



Kursus Smartphone Videography

Smartphone

1 - 2 Jun 2022 || Sepanjang 2 hari telah berlangsungnya Program Kursus Jangka Pendek bertajuk Smartphone Videography. Kursus ini telah disertai seramai 25 orang anggota bomba dan kakitangan seluruh Negeri Pulau Pinang.

Dalam kursus ini, para peserta telah mempelajari teknik camerawork dengan menggunakan smartphone masing-masing. Setelah berjaya merakam video yang telah ditugaskan, peserta diajar pula untuk menyuntingnya menggunakan aplikasi Kinemaster. Dengan ilmu kemahiran yang telah dipelajari sepanjang 2 hari kursus di Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal pada kali ini membantu para peserta dalam melaksanakan tugas di tempat masing-masing.



Kursus Internet of Things with Raspberry Pi Specialization

20-24 Jun 2022 || Kursus yang dijalankan Makmal KDTs, Bahagian Teknologi Kejuruteraan Komputer, JMTI adalah di bawah Program TOT Industry4WRD JTM yang melibatkan latihan teori dan amali bagi pembangunan aplikasi yang menghubungkan sensor kepada Raspberry Pi, node mcu eap8266 dan Node-Red.

Di akhir kursus, peserta-peserta akan dapat menghubungkan aplikasi tersebut kepada cloud, menyimpan data pada pangkalan data dan memaparkan maklumat pada paparan komputer dan smartphone.

Kursus Radiographic Interpretation (RI) Level II

20 - 24 Jun 2022 || Kursus ini telah dijalankan dengan kerjasama tenaga pengajar pakar NDT (Non Destructive Testing) dari RSA Academy Sdn Bhd yang bertempat di Bengkel Teknologi Kimpalan. Kursus professional ini memfokuskan kepada kemahiran bagi salah satu cabang dalam bidang NDT iaitu Radiographic Interpretation (RI) Level II di bawah skim persijilan SNT-TC-1A.

Sepanjang tempoh kursus tersebut, para peserta telah didekah dengan prinsip asas RI dan pengetahuan spesifik berkenaan teknik RI yang diaplikasikan di industri terutamanya sektor Minyak & Gas, perkapalan dan pembinaan. Kaedah penyampaian kursus adalah melibatkan komponen teori dan praktikal dan di akhir kursus para peserta telah menduduki peperiksaan sebagai syarat utama bagi melayakkan peserta yang lulus kesemua komponen penilaian diberikan persijilan professional.



Kursus Pendawaian Kediaman 3 Fasa

25 - 27 Jun 2022 || Sepanjang 3 hari pada hujung minggu, Bahagian Teknologi Elektrik Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal telah menganjurkan satu kursus jangka pendek bertajuk Pendawaian Kediaman 3 Fasa untuk peserta dari kalangan orang awam. Para peserta telah diajari pengetahuan secara teori pada separuh hari pertama dan terus diberi tugas untuk melaksanakan projek amali.



Kursus Belajar Skill & Bisnes - Repair Smartphone

30 Jun 2022 || Kerjasama ILP Kota Kinabalu dan QBIZ Tech Sdn Bhd diteruskan lagi dengan penganjuran kursus "BELAJAR SKILL & BISNES - REPAIR SMARTPHONE" yang telah tamat dengan jayanya dengan penyertaan lebih 25 orang belia & beliananis seluruh Sabah.

Kursus yang berlangsung di Bilik Samsung Tech, ILP Kota Kinabalu itu, sekali lagi mendapat sambutan hangat dan telah berjaya memberi pendedahan kepada belia - belia Sabah dalam mencipta peluang perniagaan dalam pembaikan telefon pintar.



Kursus Automotive - After Sales Service

30 Jun 2022 || Program latihan Automotive - After Sales Service ini ditaja sepenuhnya oleh Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor dan telah berlangsung selama 45 hari di ILP Pasir Gudang.

Seramai 10 peserta telah mendaftar pada 30 Jun 2022 yang lalu. Peserta-peserta terdiri daripada lepasan Madrasah Tahfiz sekitar negeri Johor. Selepas tamat latihan pelajar-pelajar tersebut akan diberi peluang untuk bekerja sebagai Pembantu Juruteknik Automotif di bengkel kenderaan.

Perancangan seterusnya untuk menjalankan Program SLDN Juruteknik Pemesinan usahasama ILP Pasir Gudang bersama Highly Marelli Malaysia, SLDN Automotive usahasama ILP Pasir Gudang & Alsagoff Group serta SLDN Automotive usahasama ILP Pasir Gudang & AK Group.

KERJASAMA INDUSTRI

Bagi memastikan graduan ILJTM mempunyai kemahiran yang diperlukan, kerjasama strategik dengan pihak industri dan badan kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa telah termeterai.

Kerjasama erat ini adalah bagi memberi nilai tambah terhadap kebolehkerjaan graduan yang sekali gus memperkuuh dan memperluas kerjasama antara penyedia latihan dan industri serta badan profesional dalam penentuan kurikulum dan kursus pendidikan latihan yang memenuhi keperluan industri bertepatan dengan Hala Tuju JTM yang berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Lima Tahun, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia dan JTM.





Jabatan Tenaga Manusia

BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Aras 6, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

+603 8886 5555

+603 8889 2417

<http://www.jtm.gov.my>

[http:// www.facebook.com/jtmksm](http://www.facebook.com/jtmksm)